

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan satu komponen subjek yang sangat penting di dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui latihan industri ini pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja. Melalui latihan industri, apa yang selama ini dipelajari di dalam bilik kuliah telah dapat pelatih saksikan sendiri melalui realiti alam pekerjaan. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan di dalam aspek kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki pelatih ketika ini di KUSTEM. Sepanjang 3 bulan menjalani LI, pelatih telah ditempatkan di ALAM MARITIM (M) SDN. BHD, di mana syarikat ini mempunyai perniagaan yang berteraskan penyediaan perkhidmatan perkapalan dan pemilikan kapal. Syarikat ini telah ditubuhkan pada 15 Julai 1996 dengan nama Majestic Line Sdn. Bhd. dan di tukar kepada Alam Maritim (M) Sdn. Bhd. pada 2 Januari 1998. Sepanjang berada di AMMSB, pelatih telah ditempatkan di bahagian teknikal dan operasi di Cawangan Kemaman. Pelatih telah diberi peluang untuk mempelajari selok belok dunia perniagaan di dalam industri maritim, di samping diberi pendedahan mengenai teknik-teknik berurusan dengan pelanggan, berurusan dengan pihak berkuasa dan pelbagai lagi kemahiran interpersonal yang lain. Pelatih turut berpeluang untuk mempelajari sekurang-kurangnya 3 sistem kerja sepanjang berada di AMMSB. Tiga sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem kerja Pengambilan krew, Sistem kerja pertukaran krew dan sistem kerja persediaan kemasukan kapal. Melalui analisis yang pelatih sendiri lakukan, terdapat beberapa masalah sebenar di samping potensi untuk mendapat masalah di dalam sesuatu sistem kerja itu wujud. Antara masalah yang wujud ialah masalah yang berpunca dari individu itu sendiri, persekitaran dan juga aspek teknikal. Justeru itu, melalui laporan ini, pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada pertemuan yang dikesan oleh pelatih terhadap sistem kerja di AMMSB dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan melaksanakan sistem kerja yang lebih efektif.